

## Xepa-Soul Pattinson bina kilang RM26j

**X**EPA-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd, pengeluar ubat farmaseutikal terkemuka di negara ini melancarkan New Liquids Pharmaceutical Plant berharga RM26 juta dalam usaha menjadikan syarikat berkenaan berdaya maju sekali gus mampu bersaing dengan pengeluar bahan itu di seluruh dunia.

Penubuhan kilang New Liquid Pharmaceutical Plant di Kawasan Perindustrian Cheng, Melaka itu satu usaha kukuh pihak syarikat untuk meneruskan kecemerlangan pada masa akan datang.

Pengarah Eksekutif Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd, Goh Ser Heng, berkata berikutan itu, pihaknya kini sedang berusaha menghasilkan pelbagai jenis ubat untuk semua lapisan rakyat di negara ini memabatkan jenis pil dan cecair.

Antara produk itu termasuk pil dan cecair Asmafen yang mampu mencegah asma, demam dan alahan kulit selain pil Province (untuk kulit) dan kapsul Loperax.

Katanya, semua produk berkenaan dicipta untuk memberi kesihatan berpanjangan kepada pengguna dan pihaknya yakin dengan pelaburan baru itu akan memberi banyak manfaat bukan saja untuk rakyat Melaka, malah Malaysia keseluruhannya.

"Ketika ini, Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd sudah menembusi pasaran di beberapa ban-



**LANCAR...**Dr Latiff (tengah) melancarkan kilang New Liquids Pharmaceutical Plant di Cheng, semalam.

dar utama dunia termasuk Hong Kong dan Singapura selain Afrika dan sekitar rantau Asia Pacific.

"Kami akan terus berusaha melebarkan sayap perniagaan kami ke beberapa negara lain, khususnya di Asean bagi memastikan produk Malaysia sentiasa digunakan penduduk negara lain," katanya ketika ditemui selepas perasmian kilang itu.

Perasmian kilang New Liquid Pharmaceutical Plant itu disem-

purnakan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad. Hadir sama, Pengerusi Apex Healthcare Berhad, Kee Tah Peng dan Pengarah Urusannya, Dr Kee Kirk Chin.

Kilang pembuatan Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd beroperasi sejak 1955 di Kawasan Perindustrian Cheng, Melaka di atas kawasan seluas empat hektar yang dilengkapi makmal, bilik pengeluaran, gudang

dan pejabat.

Syarikat terbabit kini dimiliki sepenuhnya Apex Healthcare Berhad dan ia disenaraikan sebagai kumpulan penjagaan kesihatan di papan Bursa Malaysia.

Sementara itu, Abdul Latiff memuji usaha Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd kerana usahanya yang berterusan ke arah pembangunan perubatan farmaseutikal bagi memastikan kesihatan rakyat sentiasa terpelihara.